



24 Oktober 2024



## **Lantikan renjer komuniti Orang Asli ditingkatkan kepada 2,500 orang**

KUALA LUMPUR: Kerajaan meningkatkan lantikan renjer komuniti (Orang Asli) kepada 2,500 orang berbanding 2,000 orang sebelum ini dengan peruntukan RM80 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peranan Orang Asli dan veteran beruniform dalam membenteng kawasan hutan simpan kekal amat dihargai.

Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2024 pada Oktober tahun lalu mengumumkan kerajaan menambah bilangan renjer komuniti kepada 2,000 orang berbanding 1,000 orang pada tahun sebelumnya.

Katanya, jumlah berkenaan bagi meningkatkan penguatkuasaan kawasan hutan simpan kekal yang ada di negara ini.